

# MUPRIN OINTMENT

Mupirocin (2% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Muprin Ointment
2. Bagaimana Muprin Ointment berfungsi
3. Sebelum mengambil Muprin Ointment
4. Cara menggunakan Muprin Ointment
5. Semasa menggunakan Muprin Ointment
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Muprin Ointment
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Muprin Ointment. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil Muprin Ointment berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Jika anda mempunyai sebarang kemasukan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat. Anda mungkin perlu membacanya lagi.

## Apakah kegunaan Muprin Ointment

Muprin Ointment digunakan sebagai rawatan topikal untuk merawat pelbagai lesi kulit yang diakibatkan oleh bakteria umum.

## Bagaimana Muprin Ointment berfungsi

Muprin Ointment tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai antibiotik.

Antibiotik dalam produk ini dipanggil Mupirocin. Mupirocin memberi aktiviti antibakteria terhadap kuman (bakteria) pada kulit.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

## Sebelum menggunakan Muprin Ointment

### - Bila tidak boleh mengambil

### Jangan mengambil Muprin Ointment sekiranya:

- Jika anda sensitif atau mangalami tanda-tanda tindak balas alahan kepada sebarang bahan-bahan yang terkandung dalam ubat ini (lihat Maklumat Lanjut mengenai produk). Sebahagian daripada tanda-tanda tindak balas alahan termasuk sesak nafas, semput atau kesukaran bernafas, Bengkak muka, bibir, lidah atau bahagian-bahagian badan yang lain; ruam, gatal-gatal pada kulit.
- anda adalah kanal-kanak berumur 2 bulan ke bawah atau orang tua berumur 65 tahun ke atas.
- untuk merawat jangkitan di mata dan hidung
- Jika bungkusannya menunjukkan tanda-tanda kerosakan
- Tarikh luput dicetak telah berlalu

### - Sebelum mula menggunakan

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda:

- Sekiranya anda mempunyai jangkitan pada kulit dan nyatakan kawasan jangkitan.
- Keadaan perubatan anda atau alahan yang anda mungkin ada, dan apa-apa fakta yang penting tentang kesihatan anda.
- Sekiranya anda mempunyai kerosakan buah pinggang yang sederhana atau teruk.

Kehamilan dan penyusuan badan:

- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum pengambilan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu badan.
- Tiada rekod menunjukkan ubat ini selamat digunakan semasa kehamilan dan laktasi (penyusuan).

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda tentang semua ubat-ubatan yang lain dan produk kulit yang anda gunakan, termasuk ubat-ubatan preskripsi dan bukan preskripsi, vitamin, makanan tambahan herba dan kosmetik.

## Cara menggunakan Muprin Ointment

### - Berapa banyak harus digunakan

Gunakan ubat satu hingga tiga kali sehari sehingga 10 hari. Mengenai dos ubat yang diperlukan, rujuk doktor atau ahli farmasi anda:

- Untuk jumlah Muprin Ointment yang perlu disapu, dan
- ketebalan untuk menyapu Muprin Ointment

### - Bila perlu digunakan

Iikut semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor dan ahli farmasi dengan berhati-hati anda. Mereka mungkin berbeza dari maklumat yang terkandung di dalam risalah ini.

Sentiasa cuci tangan anda selepas menggunakan Muprin Ointment.

### - Berapa lama perlu digunakan

Iikut dengan teliti segala arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor anda dan ahli farmasi.

Jangan gunakan untuk lebih daripada 10 hari. Jika anda tidak pasti berapa lama anda perlu

menggunakan Muprin Ointment, atau jangkitan anda tidak bertambah baik selepas tempoh rawatan selama 3 atau 5 hari, atau jika ia menjadi lebih teruk, hubungi doktor anda atau ahli farmasi.

- Jika terlupa menggunakan

Sila gunakan ubat ini seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Jika anda terlupa untuk menggunakan ubat ini, gunakan ia sebaik sahaja anda ingat. Jika tiba hampir masa untuk penggunaan seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan terus dengan jadual biasa anda.

- Jika menggunakan secara berlebihan (terlebih dos)

Penggunaan topikal mupirocin yang berlebihan akan menyebabkan kulit kering, kepanasan, kegatalan, rasa pedih, ruam, kemerahan, bengkak, sakit kepala dan loya, sakit perut, pening, jangkitan luka sekunder dan kebas di mulut atau bibir. Jika anda mengesyaki bahawa anda terlebih dos, sila rujuk doktor atau ahli farmasi anda. Bawa baki ubat dengan anda.

**Semasa menggunakan Muprin Ointment**

- Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda bersedia untuk memulakan pengambilan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang mengambil Muprin Ointment.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Teruskan Muprin Ointment sekiranya anda mengalami iritasi atau alahan selepas menggunakan ubat ini. Jangan berikan ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai gejala yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini tidak boleh digunakan di dalam atau kawasan berhampiran mata. Jika ini berlaku, basuhkan mata anda dengan pencuci mata. Mata anda mungkin menyengat. Jangan telan ubat ini. Kuantiti kecil tidak akan menyebabkan apa-apa kemudaran. Sila hubungi doktor anda dengan segera.

**Kesan-sesan sampingan**

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda terhadap manfaat yang diharapkan daripada penggunaan ubat ini.

Seperti ubat-ubatan lain, Muprin Ointment boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan. Pada kebiasaan ia tidak serius. Walau bagaimanapun, sesetengah kesan mungkin serius dan memerlukan perhatian perubatan.

Berhenti menggunakan ubat ini dan dapatkan bantuan segera jika anda mengalami gejala berikut.

- kulit kering, kepanasan, kegatalan, rasa pedih, ruam, kemerahan, bengkak, sakit kepala dan loya
- sakit perut, pening, jangkitan luka yang dijangkiti semasa atau selepas rawatan jangkitan lain dan kebas di mulut atau bibir.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety.*)

**Cara penyimpanan dan pelupusan Muprin Ointment**

- Penyimpanan

Tutup dengan rapat dan betul. Lindungi daripada cahaya terik. Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan jauh daripada jangkauan kanak-kanak.

- Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna Muprin Ointment

Muprin Ointment adalah salap yang berwarna putih.

Terdapat dalam tiub aluminium 5 gram atau 15 gram.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:  
*Mupirocin 2.0% w/w*

Bahan-bahan tidak aktif:  
*Polyethylene Glycol 3350* dan  
*Polyethylene Glycol 400*.

- Nombor MAL: MAL20061516AZ

**Pengilang**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
MALAYSIA.

**Pemegang Pendaftaran Produk**  
HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
MALAYSIA.

**Tarikh kemaskini RiMUP**  
13/09/2017

**Nombor Siri**  
NPRA(R4/1)290817/00233